



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,

Percanggahan kepentingan adalah isu serius yang boleh merosakkan integriti, kredibiliti dan kepercayaan awam terhadap organisasi. Oleh itu, Polisi Percanggahan Kepentingan ini telah disusun dengan tujuan untuk memastikan warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memahami dan mematuhi prinsip dan amalan yang berkaitan dengan pengurusan percanggahan kepentingan.



Saya ingin menegaskan agar semua warga KPM harus berusaha untuk mengelakkan dari sebarang bentuk percanggahan kepentingan yang mungkin timbul semasa menjalankan tugas. Kita hendaklah memberikan komitmen penuh dengan mengutamakan kepentingan awam dan menjauhkan diri daripada sebarang konflik kepentingan yang mungkin mempengaruhi keputusan dan tindakan.

Semoga dengan kesedaran dan pematuhan terhadap polisi ini dapat memastikan kepentingan awam dan integriti terpelihara.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI

PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,

Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibangunkan untuk memastikan bahawa warga KPM tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang melibatkan percanggahan kepentingan.



Polisi ini melarang warga KPM daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang melibatkan kepentingan peribadi atau kepentingan keluarga yang boleh mempengaruhi keputusan atau tindakan yang diambil semasa menjalankan tugas rasmi. Selain itu, polisi ini juga melarang warga KPM daripada menerima sebarang hadiah atau ganjaran yang berkaitan dengan tugas rasmi yang boleh mempengaruhi keputusan atau tindakan yang diambil.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan kepentingan yang melanggar polisi ini, tindakan tatatertib akan diambil terhadap kakitangan yang terlibat. Justeru, saya menggesa semua warga KPM untuk memahami dan mematuhi polisi ini bagi memastikan integriti dan kepercayaan awam terhadap kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PUAN SITI ZAKIAH BINTI CHE MAN

POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PEMAKAIAN	1
4. TAKRIFAN	1
5. PERNYATAAN POLISI	4
6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN	5
7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN	5
8. PEMATUHAN	7
9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	8
10. PENGUATKUASAAN	8

1. TUJUAN

Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan sebagai panduan kepada warga KPM dalam menangani isu percanggahan kepentingan.

2. LATAR BELAKANG

Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga KPM mungkin berada di dalam percanggahan kepentingan yang menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara objektif dan telus; sekaligus sukar membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan kepada warga KPM, agensi di bawah KPM, pemegang taruh/pihak berkepentingan dan pihak ketiga yang berurusan dengan warga Kementerian KPM dan agensi di bawahnya.

4. TAKRIFAN

Percanggahan kepentingan

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai telah membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam; atau menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri, saudara atau sekutu.

Pemegang Taruh

Pemegang taruh adalah orang-orang perseorangan dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam projek atau pihak yang mempunyai kepentingan yang terlibat secara positif atau negatif dan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan projek atau penyediaan projek dengan jayanya.

Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan digunakan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Pihak ketiga

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan KPM.

Warga KPM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KPM juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Ahli Lembaga Pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KPM.

Saudara

Merujuk kepada tafsiran 'saudara' di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) adalah berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (h) menantu orang itu.

Sekutu

Merujuk kepada tafsiran 'sekutu' di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009 (Akta 694) adalah berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau

- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika—
 - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

5. PERNYATAAN POLISI

- 5.1 KPM sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi.
- 5.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, warga KPM adalah dilarang untuk:
 - i. mempunyai kepentingan peribadi dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di KPM;
 - ii. menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan KPM yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di KPM;
 - iii. menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di KPM;
 - iv. menerima yuran/ komisen/ apa-apa barangan bernilai daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di KPM; dan
 - v. menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di KPM.

6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 6.1 Warga KPM mengisytiharkan kepentingan dalam borang *Integriti Pact* sebelum proses kerja yang berkaitan dilaksanakan.
- 6.2 Sekiranya wujud kepentingan, Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga KPM yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 6.3 Warga KPM yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat;
 - ii. tidak mengambil bahagian atau membuat keputusan dengan meninggalkan mesyuarat tersebut; dan
 - iii. Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan dalam minit mesyuarat mengenai pengisytiharan kepentingan yang dibuat oleh pegawai dan tindakan meninggalkan mesyuarat.

7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN

Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya.

- 7.1 Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.

- 7.2 Anggota pentadbiran hendaklah mengisytiharkan kepentingan dalam borang *Integriti Pact* sebelum proses kerja yang berkaitan dilaksanakan.
- 7.3 Anggota Pentadbiran yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
- mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat;
 - tidak mengambil bahagian atau membuat keputusan dengan meninggalkan mesyuarat tersebut; dan
 - Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan dalam minit mesyuarat mengenai pengisytiharan kepentingan

8. PEMATUHAN

- 8.1 Kegagalan atau keengganan warga KPM mematuhi Polisi ini boleh membawa kepada ketidakpatuhan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000.
- 8.2 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
E-mel: integriti@moe.gov.my

10. PENGUATKUASAAN

Polisi ini berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2023.



**Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
E-mel: integriti@moe.gov.my



Unit Integriti KPM

